Suruhanjaya Tenaga
Energy Commission

MAKLUMAT PRESTASI & STATISTIK INDUSTRI PEMBEKALAN ELEKTRIK MALAYSIA

PERFORMANCE & STATISTICAL INFORMATION ON THE MALAYSIAN ELECTRICITY SUPPLY INDUSTRY

2020

Be Energy smart

MAKLUMAT PRESTASI & STATISTIK INDUSTRI PEMBEKALAN ELEKTRIK MALAYSIA

PERFORMANCE & STATISTICAL INFORMATION ON THE MALAYSIAN ELECTRICITY SUPPLY INDUSTRY

2020



Data dan maklumat dalam penerbitan tahunan ini disediakan untuk memberi makluman am sahaja. Walaupun Suruhanjaya Tenaga (ST) terus berusaha untuk memastikan semua maklumat yang terkandung dalam penerbitan ini adalah tepat, ST menafikan tanggungjawab (sama ada timbul daripada kelalaian, kenyataan yang salah akibat kecuaian atau sebaliknya) untuk sebarang kenyataan, pandangan, maklumat dan perkara (tersurat atau tersirat) yang timbul, terkandung dalam atau berasal daripadanya, atau tidak disertakan maklumat dari penerbitan ini, atau penggunaan mana-mana pihak terhadap maklumat (termasuk pergantungan terhadap penggunaan yang meluas, ketepatan, keboleharapan dan lengkapan) yang terkandung dalam penerbitan ini.

The data and information contained in this yearly publication is prepared and provided for general information purposes only. While the Energy Commission made reasonable efforts to ensure that the information contained in this publication is accurate, the Energy Commission shall not have any liability (whether arising from negligence, negligent misstatement, or otherwise) for any statements, opinions, information or matter (expressed or implied) arising out of, contained in or derived from, or for any omissions from the information in this publication, or in respect of a person's use of the information (including any reliance on its currency, accuracy, reliability or completeness) contained in this publication.

Diterbitkan oleh:
Published by:

SURUHANJAYA TENAGA *(ENERGY COMMISSION)*
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2, 62100 Putrajaya,
Malaysia
T • (603) 8870 8500
F • (603) 8888 8637
www.st.gov.my

ISSN No. : 2289-3741
No. Penerbitan ST • ST Publication No.: ST(P)05/06/2023

Dicetak Di Malaysia • Printed In Malaysia

Penafian I Disclaimer

Segala data dan maklumat yang terkandung di dalam buku laporan ini memberi gambaran yang munasabah dan saksama bagi keseluruhan industri pembekalan elektrik di negara ini. Segala usaha telah diambil untuk memastikan semua maklumat yang terkandung di dalam laporan ini telah disahkan kesahihannya berdasarkan laporan harian, bulanan dan tahunan yang dihantar oleh pemegang-pemegang lesen sebagaimana termaktub di bawah syarat-syarat lesen. Manakala bagi negeri Sarawak, maklumat mengenai statistik dan prestasi utiliti di negeri tersebut dikemukakan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB) dan Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak (MUT) mengikut permintaan Suruhanjaya Tenaga (ST).

ST dengan niat yang baik menerbitkan maklumat ini untuk kegunaan orang awam, sejajar dengan fungsi yang ditetapkan di bawah Akta. ST menafikan semua atau apa-apa jua tanggungjawab kepada sesiapa sahaja untuk maklumat yang terkandung di dalam laporan ini atau bagi apa-apa representasi atau kenyataan di sini, sama ada secara tersurat atau tersirat, atau untuk apa-apa jawapan yang diberikan sebagai maklumbalas kepada sebarang pertanyaan berhubung dengan laporan ini.

The data and information in this report represent a fair and reasonable overview of the whole electricity supply industry. Every effort has been made to verify, validate, and accurately represents the information in this report, based on the daily, monthly and yearly reports which were submitted by licensees pursuant to their licence conditions. As for Sarawak, information on the performance and statistics of utility in the state were submitted by Sarawak Energy Berhad (SEB) and the Ministry of Utility and Telecommunication Sarawak (MUT) based on request by the Energy Commission.

The Commission in good faith publishes this information for the consumption of the public, in line with its function as stipulated under the Act. The Commission disclaims all or any responsibility whatsoever to anyone for information contained in this report or for any representation or statement herein, whether expressed or implied, or for any replies given in response to any queries in relation to this report.

Kandungan
Table of Contents



Unit dan Akronim | Units and Acronyms

Unit I Units	
cct-km	kilometer litar I circuit kilometer
GWj I GWh	Gigawatt jam I Gigawatt hour
km	kilometer
kV	kilovolt
MVA	Megavolt Ampere
MW	Megawatt
MWj I MWh	Megawatt jam I Megawatt hour
Akronim I Acronyms	
CAIDI	Customer Average Interruption Duration Index
CCGT	Turbin Gas Kitar Padu I Combined Cycle Gas Turbine
Cogen	*Cogeneration*
DE	Enjin Diesel I Diesel Engine
DePUI	*Delivery Point Unreliability Index*
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia I Department of Statistics Malaysia
EAF	Purata Faktor Kesediaan Setara Average Equivalent Availability Factor
EFB	Tandan Sawit Kosong I Empty Fruit Bunch
EUOF	Purata Faktor Hentitugas Tidak Berjadual Setara Average Equivalent Unplanned Outage Factor
FiT	*Feed-In Tariff*
GE	Enjin Gas I Gas Engine
IPP	Penjana Bebas I Independent Power Producer
KDNK I GDP	Keluaran Dalam Negara Kasar I Gross Domestic Products
MUT	Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi Sarawak I Ministry of Utility and Telecommunication Sarawak
LSS	Solar Berskala Besar I Large Scale Solar
MFO	*Medium Fuel Oil*
NEM	*Net Energy Metering*
NUR	N.U.R. Power Sdn. Bhd
OCGT	Turbin Gas Kitar Terbuka I Open Cycle Gas Turbine
OHL	Kabel Talian Atas I Overhead Cable
POME	Efluen Kilang Kelapa Sawit I Palm Oil Mill Effluent
PV	Fotovoltaik I Photovoltaic
SAIDI	*System Average Interruption Duration Index*
SAIFI	*System Average Interruption Frequency Index*
SARFI	*System Average RMS Frequency Index*
SEB	Sarawak Energy Berhad
SEDA	Sustainable Energy Development Authority
SELCO	Menjana Elektrik Untuk Kegunaan Sendiri I Generates Electricity For Self-Consumption
SESB	Sabah Electricity Sdn. Bhd.
SJ	Stesen Jana Kuasa I Power Station
TBB I RE	Tenaga Boleh Diperbaharui I Renewable Energy
TNB	Tenaga Nasional Berhad
WP	Wilayah Persekutuan I Federal Territory

Ringkasan Eksekutif

Executive Summary





RINGKASAN EKSEKUTIF 2020

Penerbitan mengenai industri pembekalan elektrik Malaysia ini mengandungi dua bahagian utama iaitu pertama, maklumat prestasi dan kedua, statistik. Setiap bahagian disusun mengikut tiga kawasan utama iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak di mana data yang dipaparkan merangkumi sistem penjanaan, sistem penghantaran dan sistem pengagihan elektrik negara. Turut dimuatkan ialah peta lokasi stesen-stesen jana kuasa utama, laporan prestasi tahunan, jadual tarif, harga jualan purata dan kos penjanaan syarikat-syarikat utiliti utama di Malaysia.

STATISTIK INDUSTRI PEMBEKALAN ELEKTRIK MALAYSIA

Pada tahun 2020, jumlah kapasiti penjanaan elektrik di Malaysia ialah 35,037 MW, merangkumi semua stesen jana kuasa utama yang bersambung kepada sistem Grid Nasional dan secara *off-grid*. Dari segi geografi, kapasiti penjanaan elektrik negara terletak di dua (2) kawasan utama iaitu 78% (27,370 MW) di Semenanjung Malaysia dan selebihnya iaitu sebanyak 22% di sebelah Timur Malaysia yang menempatkan sebanyak 1,948 MW di negeri Sabah dan sebanyak 5,720 MW di negeri Sarawak. Negeri Sabah dan Sarawak terletak di Kepulauan Borneo yang dipisahkan dengan Semenanjung Malaysia oleh Laut China Selatan. Syarikat utiliti utama bagi Semenanjung Malaysia ialah Tenaga Nasional Berhad (TNB), manakala bagi negeri Sabah ialah Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) dan bagi negeri Sarawak ialah Sarawak Energy Berhad (SEB). Kehendak maksimum yang dicatatkan pada tahun 2020 pula ialah 18,808 MW di Semenanjung Malaysia pada 10 Mac 2020, 987 MW di Sabah pada 25 Ogos 2020 dan 3,664 MW pada suku tahun pertama di Sarawak.

Daripada 35,037 MW kapasiti penjanaan tersebut, 61% daripadanya adalah daripada penjana-penjana bebas (IPP), 29% syarikat-syarikat utiliti utama (TNB, SESB, SEB), 4% *cogenerator*, 2% Solar Berskala Besar (LSS), 2% *Feed-in Tarif* (FiT) dan *Net Energy Metering* (NEM) serta 2% penjana-penjana persendirian.

Dari segi campuran sumber tenaga pula, secara keseluruhan, 37.3% daripada kapasiti penjanaan di Malaysia adalah berasaskan gas asli, 37.9% berasaskan arang batu, 23.2% berasaskan tenaga boleh baharu (TBB), 1.5% berasaskan diesel dan 0.1% lain-lain. 76% daripada TBB ialah hidroelektrik, diikuti oleh 17% solar dan 7% biojisim/biogas.

Tahun 2020 juga menyaksikan penamatan operasi tiga (3) stesen jana kuasa di Semenanjung Malaysia yang melibatkan dua (2) Stesen Jana Kuasa Turbin Gas Kitar Terbuka (OCGT) iaitu Powertek Berhad berkapasiti 434 MW yang telah tamat pada 31 Disember 2019 dan Stesen Jana Kuasa Pahlawan Power Sdn. Bhd. berkapasiti 332 MW yang telah tamat pada

EXECUTIVE SUMMARY 2020

This publication on Malaysia's electricity supply industry contains two main sections, first, performance information and second, statistics. Each section is organised according to three main regions, namely Peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak where the data displayed includes the country's electricity generation system, transmission system and distribution system. Also included are the location maps of main power stations, annual performance reports, tariff schedules, average selling prices and generation costs of the main utility companies in Malaysia.

MALAYSIAN ELECTRICITY SUPPLY INDUSTRY STATISTICS

In the year 2020, the total installed capacity for electricity generation in Malaysia was 35,037 MW, which include all main power generating stations connected to the National Grid system and by off-grid. Geographically, the installed capacity for electricity generation are divided into two (2) main regions in which 78% (27,370 MW) in Peninsular Malaysia and the remaining of 22% in Eastern Malaysia, which consists of 1,948 MW in the state of Sabah and 5,720 MW in the state of Sarawak. The state of Sabah and Sarawak are in the island of Borneo which are separated from the Peninsular Malaysia by the South China Sea. The main utility company for Peninsular Malaysia is Tenaga Nasional Berhad (TNB), while Sabah is Sabah Electricity Sdn. Bhd. (SESB) and in Sarawak is Sarawak Energy Berhad (SEB). The maximum demand recorded in 2020 was 18,808 MW in Peninsular Malaysia on 10 March 2020, 987 MW in Sabah on 25 August 2020, and 3,664 MW on the first quarter of the year in Sarawak.

From 35,037 MW generation capacity, 61% was from the independent power producers (IPP), 29% from the major utility companies (TNB, SESB, SEB), 4% from the co-generators, 2% from Large Scale Solar (LSS), 2% from Feed-in Tarif (FiT) and Net Energy Metering (NEM), as well as 2% from the self-generators.

In terms of mix energy sources, in overall, 37.3% of the generation capacity in Malaysia were based on natural gas, 37.9% coal, 23.2% renewable energy (RE), 1.5% diesel and others 0.1%. 76% of the RE were from hydroelectric, followed by 17% of solar and 7% of biomass/biogas.

The year 2020 also witnessed the termination of operation for three (3) power stations in Peninsular Malaysia which include two (2) Open Cycle Gas Turbine (OCGT); Powertek Berhad with 434 MW capacity on 31 December 2019 and Pahlawan Power Sdn Bhd power plant with 332 MW capacity which ended on 5 August 2020. Another station which ended its operation on 31 December 2019 was Combined Cycle Gas Turbine (CCGT) Sultan Ismail with capacity of 257 MW. This station located

5 Ogos 2020. Satu (1) lagi stesen yang telah menamatkan operasi pada 31 Disember 2019 ialah Stesen Jana Kuasa Turbin Gas Kitar Padu (CCGT) Sultan Ismail berkapasiti 257 MW. Stesen ini terletak di Paka, Terengganu telah dibina pada tahun 1987 dan merupakan stesen jana kuasa kitar padu pertama di Asia Tenggara yang bersambung dengan Grid Nasional. Stesen ini telah beroperasi selama 33 tahun selepas dibuka secara rasmi pada 1988 oleh Sultan Terengganu ketika itu, Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. Pada ketika itu, stesen ini merupakan stesen jana kuasa kitar padu terbesar di dunia. Penamatan operasi stesen itu adalah bagi menggantikan stesen jana kuasa lama yang kurang cekap kepada yang lebih canggih dan mesra alam.

Sementara di Sabah pula, kapasiti boleh harap pada tahun 2020 adalah sebanyak 1,259 MW berbanding sebanyak 1,277 MW pada tahun 2019. Penurunan ini adalah berkait rapat dengan semakan semula keboleharapan yang dijalankan oleh pihak Grid System Operator (GSO) kepada Stesen Jana Kuasa Hidro Tenom Pangi, Stesen Jana Kuasa Tawau (Caterpillar Genset) dan Stesen Jana Kuasa SESB. Di Sarawak, terdapat peningkatan pada kapasiti terpasang berbanding tahun sebelumnya daripada 5,243 MW kepada 5,720 MW, berikutan peningkatan stesen jana kuasa dari sumber diesel, hidro mini dan hidro mikro.

Jumlah penjanaan elektrik pada tahun 2020 ialah 171,484 GWj, iaitu pengurangan sebanyak 2.3% berbanding tahun 2019 (2019: 175,502 GWj). Pengurangan ini dilihat sejajar dengan pengurangan jualan elektrik sebanyak 3.5% pada tahun 2020 (2019: 149,291.29 GWj, 2020: 144,007.25 GWj) berbanding jualan elektrik pada tahun 2019.

Bagi penggunaan elektrik dalam negara, terdapat peningkatan dalam sektor domestik sebanyak 9.8% diikuti dengan sektor pertanian yang mencatatkan kenaikan sebanyak 3.7%. Sementara itu, terdapat sektor yang mencatatkan pengurangan iaitu sektor perlombongan (23.1%) diikuti dengan sektor komersial (11.1%), lampu awam (5.9%) dan sektor industri (4.5%). Dari segi eksport, terdapat pengurangan sebanyak 6.6% berbanding pada tahun 2019 (2019: 1,679.26 GWj, 2020: 1,586 GWj). Jika dibandingkan mengikut negeri-negeri di Malaysia pula, rata-ratanya mencatatkan pengurangan penggunaan elektrik pada tahun 2020 kecuali negeri Sarawak yang mencatatkan peningkatan sebanyak 9% berbanding tahun sebelumnya (2020: 27,779 GWj, 2019: 25,492 GWj). Pengurangan ini disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang melanda seluruh negara pada ketika itu. Ini dikuatkan lagi dengan arahan berfasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dari 18 Mac 2020 sehingga 31 Disember 2021. PKP dijalankan dengan matlamat untuk mengasing dan mengekang sumber wabak koronavirus dari terus merebak di seluruh negara. Antara langkah pencegahan yang dilakukan adalah penutupan premis kerajaan dan swasta kecuali yang terlibat dengan perkhidmatan penting negara. Begitu juga dengan rumah-rumah ibadat serta semua institusi pendidikan yang

in Paka, Terengganu was built in the year 1987 was the first of its kind in South East Asia connected to the National Grid. This station has been operating for 33 years after its official opening in 1988 by the late Sultan of the Terengganu state during that time, Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah. This power station was the biggest of its kind in the world. The closure of the power station is to replace the old and inefficient power station with a more advanced and environmentally friendly type.

Meanwhile in Sabah, the dependable capacity in 2020 was 1,259 MW compared to 1,277 MW in 2019. The decrease is largely due to the reliability review conducted by the Grid System Operator (GSO) on the Tenom Pangi Hydro Power Station, the Tawau Power Station (Caterpillar Genset) dan the SESB Power Station. In Sarawak, there was an increase in installed capacity compared to the previous year from 5,243 MW to 5,720 MW, resulted from the increase of diesel, mini and micro hydroelectric fuel-based power station.

The total electricity generated in 2020 was 171,484 GWh, which was 2.3% lower than in 2019 (2019: 175,502 GWh). This decrease was due to the 3.5% drop of electricity sales in 2020 (2020: 144,007.25 GWh) compared to electricity sales in 2019 (2019: 149,291.29 GWh).

For domestic electricity consumption, there was an increase of 9.8% in residential sector followed by agricultural sector which recorded an increase of 3.7%. Whereas some sectors recorded a reduction like the mining sectors (23.1%) followed by commercial sector (11.1%), public lighting (5.9%) and industrial sector (4.5%). In terms of exports, there was a drop of 6.6% recorded in 2020 compared in 2019 (2019: 1,679.26 GWh, 2020: 1,586 GWh).

In comparison to the states in Malaysia, most of the states recorded a reduction in electricty consumption in 2020 except for the state of Sarawak which recorded an increase of 9% compared to the previous year (2020: 27,779 GWh, 2019: 25,492 GWh). This reduction is due to the outbreak of COVID-19 pandemic during that time. This is supported with the Movement Control Order (MCO) via phase implemented by the Government of Malaysia under the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 from 18 March 2020 to 31 December 2021. MCO was implemented with the intention to isolate and eradicate the outbreak of the coronavirus within the country. The measures implemented are the closure of all government and private premises except for those involved in essential services. This include all houses of worship and all education institutions which are also required for closure. In addition, the government also imposed travel restrictions on Malaysians within and outside the country as well as entry restrictions on tourists and foreign visitors to Malaysia.

In terms of the number of electricity consumers, a different trend was recorded in which most of the sectors shows an increament of 2.1% compared to the previous year (2019: 10,560,723, 2020: 10,782,968). The agricultural sector

telah diarahkan tutup. Selain itu, kerajaan juga melakukan sekatan perjalanan rakyat Malaysia di dalam dan ke luar negara serta sekatan masuk ke atas pelancong dan pelawat asing ke Malaysia.

Dari segi bilangan pengguna elektrik pula, trend yang berbeza telah direkodkan di mana rata-ratanya mencatatkan peningkatan jika berbanding tahun sebelumnya iaitu kenaikan sebanyak 2.1% dicatatkan (2019: 10,560,723, 2020: 10,782,968). Sektor pertanian mencatatkan peningkatan tertinggi iaitu sebanyak 4.5% diikuti dengan pengguna bagi sektor industri dan lampu awam yang masing-masing merekodkan peningkatan sebanyak 3.4% dan 3.3%. Sektor perlombongan pula kekal dengan bilangan pengguna sebanyak 53.

PRESTASI INDUSTRI PEMBEKALAN ELEKTRIK MALAYSIA

Untuk memastikan keberterusan bekalan tenaga elektrik kepada pengguna, beberapa indikator telah digunakan untuk mengukur prestasi sistem penjanaan, penghantaran dan pengagihan tenaga elektrik di Malaysia.

Di Semenanjung Malaysia, purata kecekapan thermal merekodkan peningkatan sebanyak 2% hingga 31% pada stesen-stesen jana kuasa CCGT TNB dan OCGT TNB begitu juga dengan stesen-stesen jana kuasa arang batu IPP dan thermal konvensional IPP yang menunjukkan peningkatan sebanyak 1% hingga 34%. Purata Faktor Ketersediaan Setara (EAF) juga rata-ratanya menunjukkan peningkatan di antara 3% ke 8% kecuali stesen-stesen jana kuasa OCGT TNB yang menunjukkan penurunan sebanyak 2% berbanding tahun sebelumnya. Purata tahap hentitugas akibat *forced and maintenance outages* dan *forced and maintenance deratings* yang diukur menggunakan Faktor Hentitugas Tidak Berjadual Setara (EUOF) telah meningkat sebanyak 6% pada stesen jana kuasa CCGT IPP, 71% pada stesen jana kuasa OCGT TNB dan 91% kenaikan pada stesen jana kuasa hidro TNB. Manakala stesen janakuasa thermal konvensional TNB menunjukkan penurunan EUOF tertinggi sebanyak 95% diikuti dengan stesen jana kuasa CCGT TNB sebanyak 60% dan stesen arang batu IPP yang juga menunjukkan penurunan kepada 24% pada tahun 2020.

Bagi sistem penghantaran, minit sistem berada pada 0.08 minit iaitu 70% lebih baik berbanding tahun sebelumnya. Dalam tempoh lima (5) tahun ke belakang, minit sistem pada tahun 2020 ini adalah yang terendah pernah dicatatkan. *System Average Interruption Duration Index* (SAIDI) bagi sistem pengagihan juga mencatatkan bacaan di bawah sasaran 50 minit iaitu 44.95 minit/pelanggan/tahun. Petunjuk prestasi ini menunjukkan peningkatan pada sekuriti sistem pembekalan elektrik di Semenanjung Malaysia.

Di Sabah, kecekapan thermal bagi stesen-stesen jana kuasa SESB dan IPP hanya mencatatkan perubahan dalam lingkungan 0.1% hingga 9%. Tahap kesediaan iaitu EAF bagi stesen jana

recorded the highest increase of 4.5% followed by the industrial and public lighting consumers which shown 3.4% to 3.3% increament. Meanwhile, the mining sector remains with 53 number of consumers.

THE PERFORMANCE OF THE MALAYSIAN ELECTRICITY SUPLY INDUSTRY

To ensure the continuity of electricity supply to consumers, several indicators have been used to measure the performance of the electricity generation, transmission, and distribution system in Malaysia.

In Peninsular Malaysia, the average thermal efficiency recorded an increase of 2% to 31% for TNB'S CCGT and TNB's OCGT power stations and also for IPP's coal and IPP's thermal conventional power stations which showed an increased between 1% to 34%. The Average Equivalent Availability Factor (EAF) mostly showed an increase between 3% to 8% except for OCGT TNB which showed a decrease of 2% compared to the previous year. The average level of outages due to forced and maintenance outages and forced and maintenance deratings measured using the Equivalent Unscheduled Outage Factor (EUOF) has increased in 6% for IPP's CCGT power stations, 71% for TNB's OCGT power stations and increased in 91% for hydro power stations. Meanwhile, TNB thermal conventional power stations showed the most EUOF decrease of 95% followed by TNB's CCGT power stations of 60% and IPP's coal power stations also showed a drop to 24% in 2020.

For the transmission system, system minutes was at 0.08 minutes, which is 70% better than the previous year. In the past five (5) years, system minutes in 2020 were the lowest ever recorded. SAIDI for the distribution system also recorded a reading of below the target of 50 minutes which is 44.95 minutes/customer/year. This performance indicator shows an improvement in the security of the electricity supply system in Peninsular Malaysia.

In Sabah, the thermal efficiency of SESB and IPP power stations only recorded changes between 0.1%-9%. The level of availability (EAF) of SESB's CCGT power stations, IPP's CCGT power stations and SESB's diesel power stations declined by around 4% to 14%, while SESB hydro power stations recorded an increase of 6% in 2020. The outage rate for SESB's diesel power stations has shown the most increase of 70% followed by IPP's CCGT power stations of 42%. Hydro power stations have recorded a decrease of 66% followed by SESB's CCGT power stations of 30% compared to the previous year.

The performance of the Sabah transmission system decreased by 4%, where the system minutes recorded was 13.96 minutes, compared to 13.71 minutes in 2019. SAIDI in Sabah was 189.43 minutes/customer/year, slightly lower compared to 205.31 minutes/customer/year in 2019. SAIDI in 2020 was also the lowest in the 2015-2020 period and

kuasa CCGT SESB, CCGT IPP dan diesel SESB merosot sekitar 4% ke 14%, manakala stesen jana kuasa hidroelektrik SESB mencatatkan peningkatan EAF sebanyak 6% pada tahun 2020. Kadar hentitugas bagi stesen jana kuasa diesel SESB mencatatkan peningkatan terbanyak iaitu 70% diikuti dengan stesen jana kuasa CCGT IPP sebanyak 42%. Manakala, penurunan EUOF dicatatkan pada stesen jana kuasa hidro sebanyak 66% diikuti stesen jana kuasa CCGT SESB sebanyak 30% berbanding pada tahun sebelumnya.

Prestasi sistem penghantaran di Sabah menurun 4%, di mana sistem minit yang dicatatkan ialah 13.96 minit, berbanding 13.71 minit pada tahun 2019. SAIDI di Sabah ialah 189.43 minit/pelanggan/tahun, berbanding 205.31 minit/pelanggan/tahun pada tahun 2019. SAIDI pada tahun 2020 juga adalah yang paling rendah dalam tempoh 2015-2020 dan ini menunjukkan inisiatif SESB dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para pelanggannya. Perkhidmatan yang lebih baik juga dapat dilihat daripada rekod *Customer Average Interruption Duration Index* (CAIDI) tahun 2020, di mana tempoh gangguan bagi setiap pelanggan telah berkurang kepada 15.26 minit/pelanggan terlibat/tahun, berbanding 29.26 minit/pelanggan terlibat/tahun pada tahun sebelumnya.

Di Sarawak, kecekapan thermal bagi tahun 2020 menunjukkan penurunan sebanyak 19% bagi stesen jana kuasa diesel diikuti dengan 4% bagi stesen jana kuasa CCGT dan 2% stesen jana kuasa arang batu. Walaupun demikian, stesen jana kuasa diesel mencatatkan tahap EAF terbaik di kalangan kategori teknologi penjanaan lain, iaitu 98.79% pada tahun 2020 diikuti dengan 93.7% bagi stesen jana kuasa hidro. Kadar hentitugas mencatatkan penurunan sebanyak 65% pada stesen jana kuasa arang batu diikuti oleh penurunan sebanyak 61% bagi stesen jana kuasa hidro. Akan tetapi, stesen jana kuasa OCGT mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 559% pada tahun 2020. Minit sistem penghantaran di Sarawak mencatatkan bacaan 0.45 minit, iaitu yang terendah dalam tempoh 2015 hingga 2020. Jika dibandingkan rekod tahun 2020, minit sistem pada tahun tersebut adalah 79% lebih rendah (2019: 2.11 minit). Sama seperti prestasi di Semenanjung Malaysia dan Sabah, sistem pengagihan elektrik negeri Sarawak turut mencatatkan SAIDI yang lebih baik iaitu 77.68 minit/pelanggan/tahun (2019: 83.42 minit/pelanggan/tahun). Selain itu, *System Average Interruption Frequency Index* (SAIFI) dan CAIDInya juga berkurangan 5% dan 3% masing-masing.

this shows SESB's initiatives in providing the best service to its customers. Better service can also be seen from Customer Average Interruption Duration Index (CAIDI)'s 2020 record, where the duration of disruption per customer has reduced to 15.26 minutes/interrupted customer/year, compared to 29.26 minutes/interrupted customer/year.

In Sarawak, thermal efficiency in 2020 has shown a decrease of 19% for diesel power stations, followed by 4% decrease for CCGT power stations and coal power stations. Despite, diesel power stations recorded the best level of availability (EAF) among other generation technology categories which stands at 98.79% in 2020 followed by 93.7% for hydro power stations. The force outage rate (FOR) recorded a decrease of 61% for hydro power stations. Where OCGT power stations recorded the highest increase of 559% in 2020. The transmission system minutes in Sarawak recorded a reading of 0.45 minutes, which is the lowest in the period from 2015 to 2020. If compared to the record of 2019, the system minutes in 2020 were 79% lower (2019: 2.11 minutes). The performance in the Sarawak state electricity distribution is similar to the Peninsular Malaysia and Sabah region, where the system also recorded a better SAIDI of 83.42 minutes/customer/year (2019: 83.42 minutes/customer/year). In addition, its System Average Interruption Frequency Index (SAIFI) and CAIDI also decreased by 5% and 3% respectively.

	2017	2018	2019	2020
Keluasan (km²)* **Area (km2)***	330,621	330,525	330,241	330,241
Penduduk (juta) **Population (million)**				
Jumlah **Total**	**32.02**	**32.38**	**32.52**	**32.58**
Lelaki Male	16.54	16.72	16.76	16.76
Perempuan Female	15.48	15.66	15.76	15.82
Purata kadar Pertumbuhan Penduduk Tahunan (%) **Average Annual Population Growth Rate (%)**	1.2	1.1	0.4	0.2
Kelahiran dan Kematian (per 1,000 penduduk) **Birth and Death (per 1,000 population)**				
Kadar Kelahiran Kasar Crude Birth Rate	15.9	15.5	15.0	14.4
Kadar Kematian Kasar Crude Death Rate	5.3	5.3	5.3	5.1
Jangkaan hayat ketika lahir (tahun) **Life expectancy at birth (years)**				
Lelaki Male	72.1	72.3	72.5	72.8 [p]
Perempuan Female	77.1	77.2	77.4	77.8 [p]
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) **Gross Domestic Product (GDP)**				
Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) GDP at current prices (RM million)	1,372,310	1,447,760	1,513,157 [e]	1,416,605 [p]
KDNK pada harga malar 2015 (RM juta) GDP at constant 2015 prices (RM million)	1,300,769	1,363,766	1,424,310 [e]	1,343,880 [p]
Pertumbuhan KDNK (%) GDP Growth (%)	5.8	4.8	4.4 [e]	-5.6 [p]
KDNK per kapita pada harga semasa (RM) GDP per capita at current prices (RM)	42,854	44,708	46,526 [e]	43,475 [p]
Guna Tenaga² **Employment²**				
Tenaga Buruh ('000) Labour Force ('000)	14,980.1	15,280.3	15,581.6	15,667.7
Penduduk bekerja ('000) Employed ('000)	14,476.8	14,776.0	15,073.4	14,956.7
Penganggur ('000) Unemployment ('000)	503.3	504.3	508.2	556.8
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh, KPTB (%) Labour Force Participation Rates, LFPR (%)	68.0	68.3	68.7	68.4
Jumlah Total	68.0	68.3	68.7	68.4
Lelaki Male	80.1	80.4	80.8	80.6
Perempuan Female	54.7	55.2	55.6	55.3
Kadar Pengangguran (%) Unemployment Rate (%)	3.4	3.3	3.3	4.5

Nota:
1. 2016 - 2019: Anggaran Penduduk berasaskan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010 yang disesuaikan.
2. [p] Permulaan.
3. [e] Anggaran.
4. Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.
5. * Sumber: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Dikemaskini: 20 Ogos 2021

Notes:
1. 2016 - 2019: Population Estimates based on the adjusted Population and Housing Census of Malaysia 2010.
2. [p] Preliminary.
3. [e] Estimate.
4. The added total may differ due to rounding.
5. * Source: Department of Survey and Mapping Malaysia

Updated: 20 August 2021

Peta Malaysia | Map of Malaysia



Negeri-negeri di Malaysia:
States in Malaysia:

1. Kedah
2. Perlis
3. Pulau Pinang
4. Perak
5. Kelantan
6. Terengganu
7. Pahang
8. Selangor
9. Negeri Sembilan
10. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur**
11. Wilayah Persekutuan Putrajaya**
12. Melaka
13. Johor
14. Sarawak
15. Sabah
16. Wilayah Persekutuan Labuan**

Keluasan | Area:
330,241 km²

Rujukan | Reference:
Buku Maklumat Perangkaan Malaysia 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia
Malaysia Statistical Handbook 2019, Department of Statistics Malaysia

Nota | Notes:
* Wilayah Persekutuan
* Federal Territory

Ringkasan
Summary







SAIDI, SAIFI & CAIDI

SAIDI, 2014-2020



SAIFI, 2014-2020



CAIDI, 2014-2020



Penggunaan Elektrik Mengikut Sektor (GWj)
Electricity Consumption by Sector (GWh)



Nota | Notes:
Lain-lain: Perlombongan dan Pertanian
Others: Mining and Agriculture

Bilangan Pengguna Mengikut Sektor, 2020
Number of Consumers by Sector, 2020



Nota | Notes:
Lain-lain: Perlombongan, Pertanian, Eksport dan Unit Percuma.
Others: Mining, Agriculture, Export and Free Units.

Penggunaan Elektrik Mengikut Negeri
Electricity Consumption by State



Nota | Notes:
Tidak termasuk eksport
Excluding export

Kapasiti Terpasang Mengikut Sumber Tenaga
Installed Capacity by Energy Source

Kapasiti Terpasang Mengikut Sumber Tenaga
Installed Capacity By Energy Source



Penjanaan Elektrik Mengikut Sumber Tenaga
Electricity Generation by Energy Source



Nota I **Notes:**

1. Termasuk kapasiti daripada stesen jana kuasa yang bersambung di peringkat pengagihan dan *off-grid*.
   Including the capacity from distribution level and off-grid power plants.
2. Lain-lain adalah terdiri daripada haba sisa proses perindustrian dan sumber tenaga bukan TBB.
   Others consist of industrial process waste heat and other non-RE resources.

Kapasiti Terpasang Mengikut Kawasan dan Sumber Tenaga
Installed Capacity by Region and Energy Source

Semenanjung Malaysia
Peninsular Malaysia



Sabah



Sarawak



Kapasiti Terpasang Mengikut Kawasan dan Kategori Penjana
Installed Capacity by Region and Producers

Semenanjung Malaysia
Peninsular Malaysia



Sabah



Sarawak



Penjanaan Mengikut Kawasan dan Jenis Sumber Tenaga
Generation by Region and Energy Source

Semenanjung Malaysia
Peninsular Malaysia



Sabah



Sarawak



Penjanaan Mengikut Kawasan dan Kategori Penjana
Generation by Region and Producer

Semenanjung Malaysia
Peninsular Malaysia



Sabah



Sarawak



Prestasi Pembekalan Elektrik di Semenanjung Malaysia

Electricity Supply Performance in Peninsular Malaysia





Carta 1: Purata Kecekapan Termal Stesen Jana Kuasa TNB dan IPP
Chart 1: Average Thermal Efficiency of TNB and IPP Power Plants



	CCGT TNB	CCGT IPP	OCGT TNB	OCGT IPP	Thermal Conventional IPP	Arang Batu *(Coal)* IPP
2016	41.49	45.65	26.55	26.82	32.83	36.21
2017	39.34	44.74	25.88	26.50	34.52	34.51
2018	39.67	43.42	26.19	28.75	32.56	35.45
2019	42.86	45.47	24.66	22.80	24.05	35.62
2020	43.76	44.08	32.24	0.00	32.24	35.85

Carta 2: EAF Stesen Jana Kuasa TNB dan IPP
Chart 2: EAF of TNB and IPP Power Plants



	CCGT TNB	CCGT IPP	OCGT TNB	OCGT IPP	Thermal Conventional IPP	Arang Batu *(Coal)* TNB	Hidro *(Hydro)* TNB
2016	89.85	88.05	92.36	91.07	90.68	82.28	89.95
2017	91.41	88.21	95.09	91.21	86.37	82.64	89.29
2018	93.82	87.64	96.09	96.78	93.95	82.05	89.27
2019	87.49	87.94	96.97	94.98	90.82	77.90	89.47
2020	94.52	90.65	94.64	0.00	94.64	83.37	93.14

Carta 3: EUOF Stesen Jana Kuasa TNB dan IPP
Chart 3: EUOF of TNB and IPP Power Plants



	CCGT TNB	CCGT IPP	OCGT TNB	OCGT IPP	Thermal Conventional IPP	Arang Batu *(Coal)* TNB	Hidro *(Hydro)* TNB
2016	2.85	6.50	7.09	5.95	4.26	6.85	2.98
2017	2.27	3.78	0.15	3.39	6.63	7.13	1.20
2018	1.52	2.55	0.55	0.29	1.41	6.95	1.33
2019	4.63	3.32	1.07	0.24	6.41	13.00	0.59
2020	1.84	3.50	1.84	0.00	0.31	9.85	1.13

Jadual 1: Pelantikan Sistem Penghantaran TNB dengan Kehilangan Beban Sebanyak 50 MW dan ke Atas
Table 1: TNB Transmission System Trippings with Load Loss of 50 MW and Above

Petunjuk Indicator	2016	2017	2018	2019	2020
Bilangan Pelantikan Tanpa Lucutan Beban Number of Trippings Without Load Shedding	3	1	5	2	1
Tenaga yang Tidak Dibekalkan Semasa Pelantikan (MWj) Unsupplied Energy During Trippings (MWh)	344.85	40.30	35.05	45.78	0.95
Bilangan Pelantikan dengan Lucutan Beban Number of Trippings with Load Shedding	1	-	-	-	-
Tenaga yang Tidak Dibekalkan Semasa Lucutan Beban (MWj) Unsupplied Energy During Load Shedding (MWh)	425	-	-	-	-

Jadual 2: Pelantikan Bulanan Sistem Penghantaran TNB dengan Kehilangan Beban 50 MW dan ke Atas
Table 2: TNB Monthly Transmission System Trippings with Load Loss of 50 MW and Above

	2020											
Petunjuk Indicator	Jan Jan	Feb Feb	Mac Mar	Apr Apr	Mei May	Jun June	Jul July	Ogo Aug	Sep Sept	Okt Oct	Nov Nov	Dis Dec
Bilangan Pelantikan Tanpa Lucutan Beban Number of Trippings Without Load Shedding	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0
Bilangan Pelantikan dengan Lucutan Beban Number of Trippings with Load Shedding	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Kehilangan Beban Maksimum (MW) Maximum Load Losses (MW)	0	0	0	0	0	57	0	0	0	0	0	0
Tenaga yang Tidak Dibekalkan Semasa Pelantikan (MWj) Unsupplied Energy During Trippings (MWh)	0	0	0	0	0	0.95	0	0	0	0	0	0
Purata Tenaga Tidak Dibekalkan Setiap Pelantikan (MWj) Average Unsupplied Energy During Trippings (MWh)	0	0	0	0	0	0.95	0	0	0	0	0	0
Purata Tempoh Setiap Pelantikan (Minit) Average Duration Per Tripping (Minutes)	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0
Tenaga Tidak Dibekalkan Semasa Lucutan Beban (MWj) Unsupplied Energy During Load Shedding (MWh)	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0

Carta 4: DePUI - Minit Sistem TNB
Chart 4: DePUI – TNB System Minutes



Nota I Notes:
2015-2017: Tahun Kewangan / Financial Year
2018-2020: Tahun Kalendar / Calendar Year

Carta 5: Insiden Pelantikan Bulanan TNB Bagi Talian/Kabel Per 100 cct-km di Semenanjung Malaysia
Chart 5: TNB Monthly Tripping Incidents for Lines/Cables Per 100 cct-km in Peninsular Malaysia



Nota I Notes:
Data tahun kewangan yang diperolehi daripada Laporan Syarat Lesen 25 (4) TNB *(Transmission Reliability Standard)* FY2020.
Financial year data obtained from License Condition 25(4) TNB (Transmission Reliability Standard) FY2020.

GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK
ELECTRICITY SUPPLY INTERRUPTION

Carta 6: Gangguan Bekalan Elektrik per 1,000 Pengguna
Chart 6: Electricity Supply Interruptions per 1,000 Consumers



Carta 7: Purata Gangguan Bekalan Elektrik Bulanan
Chart 7: Monthly Average Electricity Supply Interruptions



GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK
ELECTRICITY SUPPLY INTERRUPTION

Carta 8: Gangguan Bekalan Elektrik Mengikut Tahap Voltan
Chart 8: Electricity Supply Interruptions by Voltage Level



Jadual 3: Gangguan Bekalan Elektrik Mengikut Negeri
Table 3: Electricity Supply Interruptions by States

Negeri State	2016	2017	2018	2019	2020
Johor	7,649	6,509	4,839	4,793	4,910
Kedah	3,999	4,715	3,751	4,249	3,482
Kelantan	3,832	4,135	4,401	5,602	4,933
WP Kuala Lumpur	8,779	6,685	8,713	9,335	7,589
Melaka	1,458	717	917	654	971
Negeri Sembilan	4,784	4,078	2,750	2,604	1,420
Pulau Pinang	3,348	3,221	2,899	4,327	3,958
Pahang	5,874	9,761	9,016	7,298	6,969
Perak	5,538	7,458	7,608	9,560	10,527
Perlis	343	513	699	1,088	475
WP Putrajaya & Cyberjaya	13	16	14	4	18
Selangor	11,332	10,163	15,132	15,993	15,592
Terengganu	1,226	2,087	3,459	4,114	3,668
Jumlah Total	**58,175**	**60,058**	**64,198**	**69,621**	**64,512**

Jadual 4: Bilangan Gangguan Bekalan Elektrik
Table 4: Number of Electricity Supply Interruptions

Bilangan Number	2016	2017	2018	2019	2020
Gangguan Tidak Berjadual Unscheduled Interruptions	56,775	59,560	63,784	69,251	63,809
Gangguan Berjadual Scheduled Interruptions	1,400	498	414	370	703
Jumlah Total	**58,175**	**60,058**	**64,198**	**69,621**	**64,512**

Jadual 5: Gangguan Bekalan Elektrik Tidak Berjadual Mengikut Jenis Gangguan (Tidak Termasuk Gangguan Voltan Tinggi)
Table 5: Number of Unscheduled Electricity Supply Interruptions by Type of Interruptions (Excluding High Voltage Interruptions)

Kategori Category	2016	2017	2018	2019	2020
Alat Ubah Transformer	61	30	37	42	17
Auto Reclose	4	211	1	0	0
Banjir Flood	28	68	23	422	2
Feeder pillar	3,139	1,970	2,382	3,049	2,404
Fius Fuse	4,103	2,109	2,737	4,045	2,390
Haiwan Animal	905	537	409	641	756
Insulating Piercing Connectors (IPC)	16,292	14,976	24,808	24,124	17,441
Jumper	18	7	6	3	1
Kabel Cable	3,205	2,819	2,703	3,590	4,037
Konduktor Conductor	7,140	7,710	9,362	11,646	13,520
Kotak Fius Fuse Box	5,420	3,975	4,164	4,522	8,383
Lain-lain Others	49	6163	33	199	13
Null	205	885	0	50	236
Pautan Link	26	28	67	109	33
Penamatan Termination	262	93	108	509	206
Penebat Insulator	14	4	6	11	1
Peralatan Suis Switchgear	93	65	39	26	10
Pihak Ketiga Third Party	3,375	3,323	3,463	3,530	2,741
Pokok Tree	6,240	7,215	6,391	6,348	5,612
Relay	9	7	4	13	1
Ribut Storm	174	98	78	161	78
Sambungan Joint	4,099	4,650	4,279	3,603	4,209
Tiang Pole	1,427	1,722	2,414	2,225	1,511
Ubahtika Transient	76	43	78	40	6
Vandalisme Vandalism	399	846	184	337	193
Jumlah Total	**56,763**	**59,554**	**63,776**	**69,245**	**63,801**

SAIDI, SAIFI & CAIDI

Jadual 6: SAIDI Mengikut Tahap Voltan
Table 6: SAIDI by Voltage Level

Tahap Voltan Voltage Level	Minit/Pelanggan/Tahun Minutes/Customer/Year				
	2016	2017	2018	2019	2020
Voltan Tinggi (66 kV dan ke atas) High Voltage (66 Kv and Above)	0.38	0.36	0.03	0.00	0.01
Voltan Sederhana (6.6 kV – 33 kV) Medium Voltage (6.6 kV – 33 kV)	46.46	51.78	46.02	45.51	41.97
Voltan Rendah (1 kV dan ke bawah) Low Voltage (1 kV and below)	2.45	2.35	2.17	2.62	2.97
Jumlah Total	**49.29**	**54.49**	**48.22**	**48.13**	**44.95**

Jadual 7: SAIDI Mengikut Negeri
Table 7: SAIDI by State

Negeri State	Minit/Pelanggan/Tahun Minutes/Customer/Year				
	2016	2017	2018	2019	2020
Johor	49.39	56.04	41.73	41.91	42.98
Kedah	60.82	82.51	73.30	65.76	64.98
Kelantan	67.90	59.34	49.91	39.33	42.69
WP Kuala Lumpur	32.39	41.01	28.59	26.68	28.19
Melaka	38.04	42.62	18.59	21.99	27.28
Negeri Sembilan	51.03	35.56	57.37	37.58	43.96
Pulau Pinang	57.22	51.30	46.01	60.84	45.80
Pahang	46.23	52.83	43.89	43.26	43.20
Perak	35.98	144.10	56.67	61.72	41.45
Perlis	51.05	58.12	78.66	89.34	51.74
WP Putrajaya & Cyberjaya	0.13	0.55	0.73	0.04	0.08
Selangor	54.67	52.34	64.77	61.55	58.52
Terengganu	39.65	42.82	36.67	30.70	33.62
Semenanjung Malaysia Peninsular Malaysia	**49.29**	**54.49**	**48.22**	**48.13**	**44.95**

Jadual 8: SAIFI Mengikut Tahap Voltan
Table 8: SAIFI by Voltage Level

Tahap Voltan Voltage Level	Bilangan Gangguan/Pelanggan/Tahun Number of Interruptions/Customer/Year				
	2016	2017	2018	2019	2020
Voltan Tinggi (66 kV dan ke atas) High Voltage (66 kV and above)	0.02	0	0	0	0
Voltan Sederhana (6.6 kV – 33 kV) Medium Voltage (6.6 kV – 33 kV)	0.87	0.93	0.86	0.83	0.79
Voltan Rendah (1 kV dan ke bawah) Low Voltage (1 kV and below)	0.01	0	0	0	0.01
Jumlah Total	**0.90**	**0.93**	**0.86**	**0.83**	**0.80**

Jadual 9: SAIFI Mengikut Negeri
Table 9: SAIFI by State

Negeri State	Bilangan Gangguan/Pelanggan/Tahun Number of Interruptions/Customer/Year				
	2016	2017	2018	2019	2020
Johor	0.70	0.55	0.63	0.75	0.90
Kedah	1.40	1.19	1.26	1.22	1.24
Kelantan	1.45	1.53	1.47	1.02	1.12
WP Kuala Lumpur	0.57	0.61	0.46	0.43	0.50
Melaka	0.64	0.55	0.28	0.44	0.48
Negeri Sembilan	0.78	0.44	0.77	0.51	0.70
Pulau Pinang	1.56	1.39	0.65	0.82	0.66
Pahang	0.94	0.71	1.41	1.48	1.37
Perak	0.57	2.32	0.79	1.02	0.60
Perlis	0.82	0.69	1.68	1.37	1.64
WP Putrajaya & Cyberjaya	0.15	0	0.09	0	0.02
Selangor	0.84	0.60	0.94	0.76	0.75
Terengganu	1.01	1.10	1.00	0.93	0.76
Semenanjung Malaysia Peninsular Malaysia	**0.90**	**0.93**	**0.86**	**0.83**	**0.80**

Jadual 10: CAIDI Mengikut Tahap Voltan
Table 10: CAIDI by Voltage Level

Tahap Voltan Voltage Level	Bilangan Gangguan/Pelanggan/Tahun Number of Interruptions/Customer/Year				
	2016	2017	2018	2019	2020
Voltan Tinggi (66 kV dan ke atas) High Voltage (66 kV and above)	19.00	0	0	0	0
Voltan Sederhana (6.6 kV – 33 kV) Medium Voltage (6.6 kV – 33 kV)	53.40	55.68	53.51	54.83	53.27
Voltan Rendah (1 kV dan ke bawah) Low Voltage (1 kV and below)	245.00	0	0	0	0
Jumlah/Total	**54.77**	**58.59**	**56.07**	**57.99**	**56.05**

Jadual 11: CAIDI Mengikut Negeri
Table 11: CAIDI by State

Negeri State	Bilangan Gangguan/Pelanggan/Tahun Number of Interruptions/Customer/Year				
	2016	2017	2018	2019	2020
Johor	70.56	101.89	66.24	55.88	48.02
Kedah	43.44	69.33	58.17	53.9	52.57
Kelantan	46.83	38.78	33.95	38.56	38.04
WP Kuala Lumpur	56.82	67.23	62.15	62.05	56.05
Melaka	59.44	77.50	66.39	49.98	57.07
Negeri Sembilan	65.42	80.81	74.51	73.69	62.80
Pulau Pinang	36.68	36.97	31.13	74.2	69.08
Pahang	49.18	74.41	71.73	29.23	31.53
Perak	63.12	62.11	46.82	60.51	68.73
Perlis	62.26	84.23	70.78	65.21	31.53
WP Putrajaya & Cyberjaya	0.87	0.00	8.11	0.00	3.71
Selangor	65.08	87.23	68.9	80.99	78.45
Terengganu	39.26	42.39	36.67	33.01	44.24
Semenanjung Malaysia Peninsular Malaysia	**54.77**	**58.59**	**56.07**	**57.99**	**56.05**

KUALITI PEMBEKALAN ELEKTRIK
ELECTRICITY SUPPLY QUALITY

Carta 9: Kejadian Junaman Voltan Mengikut Negeri dan Bilangan Pengguna yang Terlibat
Chart 9: Voltage Dip Incidents by State and Number of Consumers Involved



Nota I Notes:
Jumlah bilangan kejadian junaman voltan bukan hasil tambah bilangan jumlah junaman voltan bagi setiap negeri kerana terdapat kejadian yang sama dirakamkan di beberapa negeri.
The total number of occurrences of voltage dips is not summarised by the number of voltage dips in each state as there are similar events recorded in some states.

Jadual 12: Bilangan Pengguna Terlibat dengan Insiden Junaman Voltan Mengikut Negeri
Table 12: Number of Consumers Involved in Voltage Dip Incidents by State

Negeri State	2016	2017	2018	2019	2020
Johor	12	35	59	45	34
Kedah	7	2	5	6	6
Kelantan	0	2	0	0	4
Melaka	5	17	21	25	15
Negeri Sembilan	23	10	26	4	4
Pahang	5	11	25	26	21
Perak	14	20	23	16	28
Perlis	0	0	0	0	0
Pulau Pinang	51	57	74	59	56
Selangor	34	28	67	50	21
Terengganu	0	7	14	13	14
WP Kuala Lumpur	22	25	40	38	23
WP Putrajaya & Cyberjaya	4	2	11	10	12
Semenanjung Malaysia Peninsular Malaysia	**177**	**216**	**365**	**292**	**238**

Jadual 13: SARFI
Table 13: SARFI

Sistem TNB TNB System	2016			2017			2018			2019			2020		
	SARFI 90	SARFI 80	SARFI 70	SARFI 90	SARFI 80	SARFI 70	SARFI 90	SARFI 80	SARFI 70	SARFI 90	SARFI 80	SARFI 70	SARFI 90	SARFI 80	SARFI 70
11 kV	6.05	3.48	2.03	5.54	3.15	2.03	13.40	4.46	2.01	13.60	3.67	1.73	10.32	3.35	1.46
22 kV	6.00	3.86	3.43	6.71	3.00	2.43	18.93	5.71	1.93	12.87	4.80	1.73	10.47	4.53	2.40
33 kV	6.86	2.80	1.36	5.30	2.29	1.08	16.34	4.35	1.31	14.04	3.28	0.89	9.87	2.36	0.69
Sistem Keseluruhan Overall System	**5.84**	**2.97**	**1.80**	**4.99**	**2.50**	**1.52**	**1.34**	**0.36**	**0.16**	**13.73**	**3.60**	**1.38**	**10.13**	**3.02**	**1.21**

Carta 10: Gangguan Bekalan Elektrik per 1,000 Pengguna
Chart 10: Electricity Supply Interruptions per 1,000 Consumers



Carta 11: Purata Gangguan Bekalan Elektrik Bulanan
Chart 11: Monthly Average of Electricity Supply Interruptions



Jadual 14: Bilangan Gangguan Bekalan Elektrik
Table 14: Number of Electricity Supply Interruptions

Bilangan Number	2016	2017	2018	2019	2020
Gangguan Tidak Berjadual Unscheduled Interruptions	52	44	54	45	54
Gangguan Berjadual Scheduled Interruptions	71	60	90	64	105
Jumlah Total	**123**	**104**	**144**	**109**	**159**

Carta 12: Gangguan Bekalan Elektrik Tidak Berjadual mengikut Jenis Gangguan
Chart 12: Unscheduled Supply Interruption by Type of Interruptions



Carta 13: SAIDI
Chart 13: SAIDI



Carta 14: Kejadian Junaman Voltan yang Dilaporkan di Kulim Hi-Tech Park (KHTP)
Chart 14: Voltage Dips Incidents Reported in Kulim Hi-Tech Park (KHTP)



Carta 15: Bilangan Pengguna Terlibat dengan Insiden Junaman Voltan
Chart 15: Number of Consumers Involved in Voltage Dip Incidents



Prestasi Pembekalan Elektrik di Sabah

Electricity Supply Performance in Sabah



Carta 16: Purata Kecekapan Termal Stesen Jana Kuasa SESB dan IPP
Chart 16: Average Thermal Efficiency of SESB and IPP Power Plants



	CCGT SESB	CCGT IPP	Diesel SESB	Diesel IPP
2016	25.75	39.22	26.97	36.66
2017	26.27	38.98	28.01	24.35
2018	29.06	39.46	26.75	0.00
2019	30.10	38.72	25.20	0.00
2020	27.90	38.75	27.53	0.00

Carta 17: EAF Stesen Jana Kuasa SESB dan IPP
Chart 17: EAF of SESB and IPP Power Plants



	CCGT SESB	CCGT IPP	Diesel SESB	Diesel IPP	Hidro (Hydro) SESB
2016	71.70	92.55	83.14	84.08	67.05
2017	75.52	95.71	88.79	79.56	59.98
2018	88.00	93.43	81.11	0.00	68.46
2019	68.99	95.20	72.11	0.00	69.93
2020	61.28	91.61	61.71	0.00	74.06

Carta 18: EUOF Stesen Jana Kuasa SESB dan IPP
Chart 18: EUOF of SESB and IPP Power Plants



	CCGT SESB	CCGT IPP	Diesel SESB	Diesel IPP	Hidro (Hydro) SESB
2016	12.27	2.74	11.31	14.79	19.23
2017	10.00	1.55	7.62	45.16	37.16
2018	8.82	1.89	8.66	0.00	29.16
2019	11.79	2.73	16.08	0.00	6.51
2020	8.28	3.87	27.35	0.00	2.24

Nota untuk semua carta di atas I Notes for all charts above:

1. Sehingga 2019, satu-satunya stesen jana kuasa diesel IPP di bawah tempoh lesen adalah Stratavest, tetapi ia tidak beroperasi sepanjang tahun disebabkan oleh *forced outage*.
   As of 2019, the only licensed IPP diesel power plant was Stratavest, but it was not in operation throughout the year due to forced outrage.
2. Stesen jana kuasa diesel Serudong telah tamat operasi pada Disember 2017.
   Serudong diesel power station ended operation in December 2017.

Jadual 15: Pelantikan Sistem Penghantaran dengan Kehilangan Beban Sebanyak 50 MW dan ke Atas
Table 15: Transmission System Trippings with Load Loss of 50 MW and Above

2020												
Petunjuk Indicator	**Jan Jan**	**Feb Feb**	**Mac Mar**	**Apr Apr**	**Mei May**	**Jun June**	**Jul July**	**Ogos Aug**	**Sept Sept**	**Okt Oct**	**Nov Nov**	**Dis Dec**
Bilangan Pelantikan Tanpa Lucutan Beban Number of Trippings Without Load Shedding	6	3	4	3	5	4	2	3	12	2	3	2
Bilangan Pelantikan dengan Lucutan Beban Number of Trippings with Load Shedding	0	0	0	0	0	0	3	0	1	0	0	0
Kehilangan Beban Maksimum (MW) Maximum Load Losses (MW)	0	0	0	0	0	0	261.76	0	50.89	0	0	0
Tenaga yang Tidak Dibekalkan Semasa Pelantikan (MWj) Unsupplied Energy During Trippings (MWh)	0	0	0	0	0	0	6651.70	0	559.81	0	0	0
Purata Tenaga yang Tidak Dibekalkan Semasa Pelantikan (MWj) Average Unsupplied Energy During Trippings (MWh)	0	0	0	0	0	0	2217.23	0	559.81	0	0	0
Purata Tempoh Setiap Pelantikan (Minit) Average Duration Per Tripping (Minutes)	0	0	0	0	0	0	0.40	0	0.11	0	0	0
Tenaga Tidak Dibekalkan Semasa Lucutan Beban (MWj) Unsupplied Energy During Load Shedding (MWh)	0	0	0	0	0	0	6651.70	0	559.81	0	0	0

Carta 19: DePUI - Minit Sistem
Chart 19: DePUI - System Minutes



Jadual 16: Insiden Pelantikan bagi Talian/Kabel Per 100 cct-km Mengikut Tahap Voltan (Dengan Kehilangan Beban)
Table 16: Tripping Incidents for Lines/Cables per 100 cct-km by Voltage Level (With Load Loss)

Kategori Category	Voltan Voltage	2016	2017	2018	2019	2020
Dengan Kehilangan Beban With Load Loss	275 kV	0.000	0.000	0.669	0.000	0.000
	132 kV	0.154	0.618	0.551	0.480	0.625
	66 kV	3.175	3.175	3.175	3.501	0.000
Tanpa Kehilangan Beban Without Load Loss	275 kV	1.373	1.338	0.502	1.337	0.334
	132 kV	1.367	1.081	1.302	0.480	0.759
	66 kV	10.582	1.058	6.659	9.335	0.973

Nota | Notes:

